**TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL 3 2016/2017**
**TARIKH: 28 DISEMBER 2016 (RABU) BIL: 4 2016/2017**

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **ALUAN PENGERUSI** | | |
| | **1.7 Graduan Penyelidikan**<br><br>Pengerusi membentangkan pencapaian graduan penyelidikan bagi tahun 2016 dan sasaran graduan PhD bagi tahun 2017. Sasaran graduan bagi tahun 2017 disediakan berdasarkan enrolmen sedia ada iaitu 20% graduan daripada enrolmen dan pelajar yang telah NHT. Dimaklumkan juga SPS akan merangka sasaran graduan sarjana penyelidikan tahun 2017 dan fakulti dimohon untuk memberi maklumbalas berdasarkan template yang telah diberikan oleh SPS. | ***Tindakan : BPB SPS dan fakulti*** | Maklumat telah diterima dan akan dibentangkan pada mesyuarat Japsu Bil. 5 2016/2017 |
| **3.0** | **PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | **3.1 Penukaran Separuh Masa Kepada Sepenuh Masa**<br><br>Mesyuarat bersetuju cadangan supaya surat tawaran yang dikeluarkan hendaklah disertakan bersama jadual perancangan kuliah serta satu surat pengesahan pemakluman bentuk pengajian pada calon yang memerlukan. | ***Tindakan : SRAD*** | |

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **4.0** | **LAPORAN BAHAGIAN** | | |
| | **4.1 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)**<br><br>**4.1.4 Pekeliling Pengguguran Permohonan Penganugerahan Pelajar Pasca Siswazah**<br><br>Merujuk kepada pekeliling SPS berkaitan Pengguguran Permohonan Penganugerahan pelajar Pasca Siswazah, dimana pelajar dianugerahkan oleh senat tanpa perlu memohon. Bagaimanapun, bagi tujuan semakan maklumat graduan, AMD akan menggunapakai borang baharu dan ia akan digunakan berkuatkuasa bagi Semester II Sesi 2016/2017.<br><br>Mesyuarat mencadangkan agar borang tersebut diletakkan bersama pengurusan ACAD. Bagi pelajar antarabangsa, nama graduan adalah mengikut pasport pelajar. | ***Tindakan : AMD*** | |
| | **4.3 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)**<br><br>**4.2 Perangkaan Pengambilan**<br><br>Bilangan pemohonan lengkap adalah sebanyak 1978 dan masih ada permohonan yang | ***Tindakan : Fakulti/ SRAD*** | |

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| | masih dalam proses. Pihak SRAD memohon M3 yang telah dihantar ke fakulti dapat diproses dengan kadar yang segera untuk tindakan SRAD seterusnya.<br><br>**4.3 Mesyuarat JAPSU Khas Bagi Tujuan Peningkatan Pengambilan**<br><br>SRAD diminta untuk menetapkan satu tarikh bagi mengadakan Mesyuarat JAPSU Khas dengan kehadiran Timbalan Dekan (Akademik) dan Pengurus Akademik Pasca Siswazah fakulti bagi membincangkan strategi yang bersesuaian bagi meningkatkan bilangan pengambilan pelajar baharu dengan melihat urusan proses penawaran dan sebagainya. Bengkel perlu diadakan selewat-lewatnya minggu ke dua (2) bulan Januari 2017. | ***Tindakan : SRAD*** | |
| | **4.4 *Direct Offer***<br><br>Mesyuarat meminta semua fakulti memberikan nama pelajar tahun akhir/ graduan kepada pihak SRAD bagi tujuan | ***Tindakan : SRAD*** | |

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| | mengeluarkan surat tawaran secara terus (Direct Offer) kepada pelajar yang layak. Senarai tersebut perlu diberikan kepada selewat-lewatnya 5 Januari 2017. | | |
| **5.0** | **PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH** | | |
| | 5.4 Pengerusi memberikan peringatan kepada FBME bahawa fakulti hanya boleh kemaskini/ luluskan permohonan perlantikan pemeriksa tesis di GSMS selepas diperakukan oleh JKA fakulti. | ***Tindakan : FBME*** | |
| **8.0** | **PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN** | | |
| | **8.1 RADHIAH BINTI AB RAHIM (MP1330019)**<br><br>Pelajar diperakukan tempoh pembetulan sehingga 31 Januari 2017 iaitu selama 2 bulan dari tarikh permohonan dihantar. | ***Tindakan : Bahagian BPB, SPS*** | Selesai. Email makluman telah dihantar kepada fakulti pada 9 Januari 2017 |

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **10.0** | **PERMOHONAN LANJUT HANTAR NOTIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU** | | |
| | **10.1 ZHANG DAWEI (PH113162)**<br><br>Mesyuarat memperakukan penukaran Pengerusi VIVA yang baharu iaitu Dr. Noriza bt Mohd. Jamal. | ***Tindakan : Bahagian BPB, SPS*** | Selesai. Email makluman telah dihantar kepada fakulti pada 9 Januari 2017. |